

21/04/2003

Nasihat Mohd Ali harus jadi pegangan pemain kita

Raja Ahmad Zainuddin

IA bukan lagi retorik, tetapi kenyataan yang amat serius jika diterjemahkan titah ucapan Sultan Ahmad Shah di mesyuarat Majlis Persatuan

Bola sepak Malaysia (FAM) mengenai pengurusan dan pentadbiran persatuan-persatuan bola sepak negeri.

Jika sebelum ini, Baginda Sultan Pahang ada menegur anggota badan gabungannya secara terbuka, tetapi pada kali ini baginda sendiri yang meminta untuk menemui dari hati ke hati setiap wakil negeri dalam satu perjumpaan yang akan diadakan di Wisma FAM, Kelana Jaya sehari menjelang Kongres FAM 5 Mei depan.

Tindakan itu ternyata betapa baginda sendiri yang mahukan segala arahan

dan nasihat FAM mengenai segala urusan bola sepak setiap negeri dapat dipikul dengan penuh bijak di dalam menghadapi iklim bola sepak di tahun-tahun mendatang.

Sebelum ini pun FAM sudah membunyikan loceng kecemasan kepada setiap anggota gabungan betapa mereka perlu berfikir dari sekarang untuk turut sama mencari sumber kewangan sendiri kerana kontrak Dunhill sebagai penaja utama akan berakhir pada tahun 2004.

Walaupun aspek pengurusan dan pentadbiran negeri mula mendapat maklum balas dan menggembirakan baginda, ia masih agak kecil kerana terdapat kes-

kes tunggakan gaji yang dirujuk kepada FAM.

Justeru, tindakan Presiden FAM itu juga bertujuan memastikan segala perancangan bola sepak negara berjalan dengan baik dan penuh berkesan, lebih-lebih lagi dalam mengembalikan semula imej negara. Perkara yang sama

juga pernah dibangkit oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

dan ramai anggota Parlimen di persidangan yang lalu.

Disebabkan itu, FAM dalam merumuskan format pertandingan akan sentiasa mengutamakan kualiti bagi mencapai sasarannya. Dalam hubungan ini, kerjasama dan sokongan persatuan negeri amatlah penting agar tidak menjejaskan kelancaran program yang diatur.

Pada masa yang sama FAM juga mengadakan road show di negeri-negeri bagi

memberi taklimat dan penerangan berhubung dengan pengadilan supaya pegawai

dan pemain lebih memahami agar peraturan dan undang-undang akan sentiasa dihormati dan dipatuhi.

Demikian juga dengan penerangan berhubung dengan disiplin semua pihak yang terbabit agar suasana pertandingan bola sepak di semua peringkat dapat berjalan dalam semangat penuh kesukanan dan bersih, jika pun di dalam keadaan semua pasukan menjadikan kemenangan sebagai matlamat utama.

Yang penting, tambah Sultan Ahmad Shah ialah agar semua anggota

gabungan

menjaga nama baik FAM selaku badan induk yang sentiasa dikenali sebagai sebuah organisasi yang cukup baik dari pengurusan dan pentadbirannya.

Kancah bola sepak Liga M, walaupun masih di peringkat awal, tetapi akan

lebih rancak sebaik siaran langsung dapat diadakan semula oleh pihak penaja setelah mereka selesai mendapatkan persetujuan stesen televisyen tempatan.

Justeru, pemain-pemain sekarang sesungguhnya amat bertuah kerana mereka

dilahirkan dalam sinar lampu yang cerah dan bagaikan bintang jatuh ke riba. Demikianlah pendapat seorang bekas pemain veteran yang pernah menyerikan kancah bola sepak tahun 60an.

Rupa-rupanya liga bola sepak negara kita masih mendapat perhatian Mohd Ali Awang Besar yang turut melahirkan pendapatnya betapa di zaman beliau bermain bola sepak, segala-galanya terpaksa dibeli sendiri. Beliau pernah

mewakili pasukan Angkatan Tentera Malaysia menceritakan pengalamannya yang

terpaksa membayar ansuran untuk mendapatkan sepasang but.

Beliau yang sekarang berusia 65 tahun dan bekas seorang Lans Kopral, sambil mengalu-alukan langkah FAM memperkenalkan format baru liga menjelaskan betapa sewaktu zamannya mereka terpaksa berlatih sendiri dan berasa bangga jika terpilih mewakili sesebuah pasukan. Sekarang, tidak lagi. Pemain lebih mementingkan berapa bayaran yang mereka terima.

Begitupun, mereka sendiri tidak dapat memberi persembahan yang terbaik sekalipun menerima pendapatan yang lumayan. Jika menjadi juara mereka akan

menerima imbuhan. Kami pun terliur juga melihat pemain sekarang rata-rata

setahun jagung sudah boleh memiliki kereta dan membeli rumah sendiri.

Mohd Ali anak kelahiran Kampung Jelai, Batu Kurau yang lebih membuat kerja kampung dan aktif di dalam politik tempatan merasakan di zaman beliau dulu pemain lebih berdisiplin mungkin disebabkan keadaan persekitaran yang tiada banyak tempat hiburan seperti sekarang dan ini menyebabkan mereka terdedah kepada masalah sosial yang berleluasa.

Katanya zaman gemilang pemain bola sepak seperti Datuk Soh Chin Aun, Ghani Minhat, Allahyarham Mokhtar Dahari, Namat Abdullah dan ramai lagi pasti akan kembali jika pemain sekarang lebih mengutamakan tanggungjawab mereka sebagai seorang pemain yang bertaraf pro. Jika tidak, sia-sialah apa yang dilakukan FAM pada masa ini.